

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 9 Februari 2024**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA DISEMBER 2023**

---

### **Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 1.1 peratus pada Disember 2023**

PUTRAJAYA, 9 Februari 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Disember 2023**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 1.1 peratus pada bulan Disember 2023 (30,342 tan metrik) berbanding pada bulan November 2023 (30,669 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 0.7 peratus (Disember 2022: 30,556 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Disember 2023 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (88.0%) berbanding sektor estet (12.0%).

Jumlah stok getah asli pada Disember 2023 meningkat 11.0 peratus kepada 191,320 tan metrik berbanding 172,307 tan metrik pada November 2023. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 91.1 peratus diikuti kilang pengguna getah (8.9%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 45,591 tan metrik pada Disember 2023, menurun 11.7 peratus berbanding November 2023 (51,643 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 41.5 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Disember 2023 diikuti Jerman (12.7%), Iran (3.9%), Amerika Syarikat (3.8%) dan Pakistan (2.8%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM0.9 billion pada Disember 2023, menurun 5.9 peratus berbanding November 2023 (RM1.0 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 2.2 peratus (Disember 2023: 537.63 sen sekilogram; November 2023: 549.67 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun 3.4 peratus (Disember 2023: 542.89 sen sekilogram; November 2023: 562.24 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 2.1 peratus hingga 2.2 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) menurun 1.6 peratus (daripada USD 1.48/kg kepada USD1.46/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 0.8 peratus (daripada USD1.67/kg kepada USD1.66/kg).

Prestasi suku keempat 2023 menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 1.5 peratus kepada 93,956 tan metrik berbanding 92,599 tan metrik pada suku ketiga 2023. Prestasi pertumbuhan tahunan pengeluaran getah asli Malaysia pada suku keempat 2023 pula mencatatkan peningkatan 3.9 peratus berbanding suku keempat 2022 (90,399 tan metrik).

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* pada Disember 2023, trend pasaran getah Kuala Lumpur bercampur-campur dengan menyaksikan harga GMM 20 ditutup lebih tinggi pada dagangan terakhir 2023. Secara keseluruhannya, sentimen positif disumbangkan oleh keyakinan lebih tinggi terhadap lebih banyak langkah rangsangan yang diumumkan oleh China untuk menyokong pemulihan ekonomi serta dengan jangkaan bahawa Rizab Persekutuan Amerika Syarikat akan mula mengurangkan kadar faedah pada tahun 2024.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut;


i) Jabatan Perangkaan Malaysia: 1-800-88-7720 /1-800-88-7721

ii) Pertanyaan secara online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.


**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Disember 2022 dan November - Disember 2023 ('000 tan metrik)**



**Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Disember 2022 dan November - Disember 2023**  
(‘000 tan metrik)



**Carta 3: Pengeluaran getah asli Suku Tahunan 2022/2023**  
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
9 FEBRUARI 2024**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 9<sup>th</sup> February 2024**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA**  
**DECEMBER 2023**

---

**Malaysia natural rubber production**  
**decreased by 1.1 per cent in December 2023**

PUTRAJAYA, 9 February 2024 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, December 2023**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 1.1 per cent in December 2023 (30,342 tonnes) as compared to November 2023 (30,669 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 0.7 per cent (December 2022: 30,556 tonnes). Production of NR in December 2023 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (88.0%) as compared to estates sector (12.0%).

Total stocks of NR in December 2023 increased by 11.0 per cent to 191,320 tonnes as compared to 172,307 tonnes in November 2023. Rubber processors factory contributed 91.1 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (8.9%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 45,591 tonnes in December 2023, decreased 11.7 per cent as against November 2023 (51,643 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 41.5 per cent of total exports in

December 2023 followed by Germany (12.7%), Iran (3.9%), the United States of America (3.8%) and Pakistan (2.8%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM0.9 billion in December 2023, a decrease of 5.9 per cent as compared to November 2023 (RM1.0 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded a decrease of 2.2 per cent (December 2023: 537.63 sen per kg; November 2023: 549.67 sen per kg) while Scrap decreased by 3.4 per cent (December 2023: 542.89 sen per kg; November 2023: 562.24 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) decreased between 2.1 per cent to 2.2 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has decreased 1.6 per cent (from USD1.48/kg to USD1.46/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 0.8 per cent (from USD1.67/kg to USD1.66/kg).

The performance of the fourth quarter of 2023 showed natural rubber production increased by 1.5 per cent to 93,956 tonnes as compared to 92,599 tonnes in the third quarter of 2023. The annual performance of Malaysia's natural rubber production in the fourth quarter of 2023 recorded an increase of 3.9 per cent as compared to the fourth quarter 2022 (90,399 tonnes).

According to the Malaysia Rubber Board Digest in December 2023, The Kuala Lumpur rubber market witnessed a mixed trend with the price of SMR 20 closing higher on the last trading day of 2023. Overall, the positive sentiment was supported by optimism over more stimulus measures announced by China to support economic recovery coupled with an expectation that the United States of America Federal Reserve will start cutting interest rates in 2024.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture


*Census, Key to Agricultural Development.”*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.*


*The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines;*

- i) Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7720 /1-800-88-7721*
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.*


**Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber December 2022 and November - December 2023 ('000 tonnes)**



**Chart 2: Imports and exports of natural rubber December 2022 and November - December 2023  
('000 tonnes)**



**Chart 3: Natural rubber production Quarterly 2022/2023  
('000 tonnes)**



*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
9 FEBRUARY 2024**